

BAHASA MELAYU

(oleh Musyfa)

Tiada berapa hari yang lepas seorang muda Melayu kita telah bertanya kepada saya apakah asalnya dan siapakah mula-mula mengadakan atau merekakan perkataan-perkataan Datin, Yang Berhormat Mulia, Yang Berhormat, Pesuruhjaya, jawatankuasa, Setiausaha yang Kehormat, setiausaha, dan lain-lain lagi seperti wartawan, dan juga baharu-baharu ini pula telah banyak kaum-kaum muda kita Melayu menggunakan perkataan “pemuda” dan “pemudi” selain daripada berbagai-bagai macam bahasa rekaan-rekaan baharu atau pun bahasa tua yang dihidupkan semula sebagaimana yang disiarkan di dalam surat-surat khabar Melayu dan buku-buku cerita karangan orang-orang Melayu sekarang ini.

Saya dengan ikhlas telah terangkan kepada orang muda yang bertanya itu bahawasanya saya bukan seorang pendeta bahasa Melayu. Bahawa apa yang saya terangkan ialah menurut kadar yang saya tahu jualah tetapi harus ada orang-orang lain yang lebih tahu dan boleh memberi keterangan-keterangan yang memuaskan hati. Sesungguhnya zaman sekarang ialah zaman kemajuan yang mengadakan apa-apa yang tidak ada dahulu sama ada tentang alat-alat senjata peperangan, alat-alat pertukangan, pakaian-pakaian, adat-adat, pergaulan, bahasa dan . . . dan . . . seribu satu jenis baharu, sama ada yang lebih baik dan faedah khas atau am, atau pun yang lebih buruk, lebih mengelirukan, memesongkan daripada yang baik kepada yang buruk, mencederakan diri, adat lembaga, bahasa kehormatan, bangsa dan agama Islam pun sama.

Setengah dari apa yang saya telah terangkan kepada orang muda itu adalah dengan tulus ikhlas saya sebutkan di bawah ini. Mudah-mudahan yang demikian orang-orang lain yang tiada tahu boleh tahu, tatkala di sisi mereka yang sememang tau itu maka yang demikian hanya menjadi peringatan sahaja, tetapi jika ada sebarang apa yang saya katakan di sini tidak betul dan tidak memuaskan hati, silalah

tuan-tuan pembaca tanya kepada siapa-siapa yang lebih berpengetahuan kerana sesungguhnya pengetahuan saya tidak melengkap.

Adapun berkenaan dengan perkataan “Datin” itu jika tidak salah peringatan saya ialah begini: kira-kira di dalam tahun Masihi 1885, suatu treaty (atau perjanjian setia) telah diperbuat di antara negeri Johor dengan Great Britain (United Kingdom) oleh Almarhum Sultan Abu Bakar dan mendiang Queen Victoria. Maka dengan kuasa surat perjanjian itu bahawa negeri Johor serta segala daerah-daerah (atau jajahan-jajahannya) dikuasai sebuah negeri yang merdeka dan Almarhum Sultan Abu Bakar itulah raja yang memerintah Johor dan berturun temurun kepada anak cucunya kelak.

Bahawa dengan tujuan yang amat baik dan akan berkekalan pada menzahirkan kawasannya maka Almarhum Sultan Abu Bakar pun mengadakan beberapa darjah-darjah kebesaran (atau bintang-bintang darjah kebesaran kerajaan Johor) iaitu Darjah Mahkota Johor Yang Amat Mulia. Darjah ini ditentukan pada tiga bahagian darjahnya pula iaitu (1) Dato’ Seri Paduka (2) Dato’ Paduka dan (3) Dato’ Setia. (berasing daripada bintang darjah kerabat dan yang lain-lain lagi itu). Maka orang-orang yang demikian yang dikurniai bintang-bintang darjah yang tersebut digelar Dato’.

Setelah itu timbul pula perkataan apakah isteri-isteri bagi Dato’ itu hendak digelar? Hal ini diserahkan oleh Almarhum Sultan Abu Bakar kepada Dato’ Seri Amar Diraja (Dato’ Abdul Rahman) yang ianyalah Yang Dipertua Pakatan Bahasa Melayu Persuratan Diraja – iaitu suatu kumpulan mengatur membaiki dan meluaskan bahasa Melayu persuratan di Johor. Bahawa dari sinilah mula datang gelaran “Datin” itu, dan demikianlah gelaran kehormatan yang lain-lain itu. Menurut aturan kerajaan British, seseorang yang dikurniai bintang darjah K.C.M.G (K.C.M.G.) digelar Sir (SIR) dan isterinya digelar lady (LADY).

Telah beberapa gelaran-gelaran kehormatan dan jawatan Inggeris ditiru dengan munasabahnyanya pada bahasa Melayu oleh

orang-orang Johor, dengan tidak membuta tuli sahaja, maka segalanya itu sekarang telah dituruti oleh orang-orang Melayu lain di Semenanjung ini, iaitu seperti :-

Yang Berhormat Mulia – bagi anak Raja-raja yang dilantik menjadi ahli mesyuarat negeri.

Yang Berhormat – bagi Dato' dan orang-orang kebanyakan yang dilantik menjadi ahli mesyuarat negeri. Orang kebanyakan yang telah berhenti daripada menjadi ahli mesyuarat negeri tidaklah dibahasakan Yang Berhormat lagi.

Pesuruhjaya – bagi seorang yang diperintahkan oleh kerajaan pada menjadikan dan menyempurnakan sesuatu pekerjaan dalam negeri seperti Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu ini atau Pesuruhjaya polis, atau lain-lain yang seumpamanya.

Jawatankuasa – suatu kumpulan atau jemaah orang-orang yang dilantik memegang kuasa pada menjalankan sesuatu pekerjaan kerajaan, atau persekutuan, atau kelab, atau lain-lain yang seumpamanya.

Setiasaha Yang Kehormat – seorang yang tidak bergaji, bekerja menjaga surat-surat dan lain-lain yang seumpamanya bagi suatu persekutuan kumpulan. Jika orang yang menjadi setia itu diberi gaji maka tidaklah dikatakan Setiasaha Yang Kehormat (Honorary Sekretari HONORARY SECRETARY dalam bahasa Inggeris)

Wartawan – perkataan ini direkan dan digunakan mula-mulanya oleh Al-Magfurlah Dato Laksmana Kelantan (Haji Muhammad bin Haji Muhammad Said) sebelum persaraannya. Ianya setiasaha bagi kerajaan Kelantan dan Naib seorang Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dan juga Ketua Pengarang “Pengasuh” ketua-ketua surat khabar di Malaya. Bahawasanya perkataan “wartawan” ini mula digunakan di dalam akhbar “Pengasuh” dan oleh sebab difikirkan sesuai oleh am umat Melayu dengan perkataan Inggeris

“journalis” JOURNALIST dan

Orang-orang Belanda menyebutnya “yurnalis”, maka sekarang banyaklah orang Melayu memakainya.

Orang-orang Eropah – Inggeris dan Belanda – telah berkata dan menulis di dalam beberapa buku-buku peringatan mereka itu bahawa bahasa Melayu Johor dan Riau diakui bahasa Melayu yang berdarjat (STANDARD MALAY) kepujian, akan tetapi malangnya sekarang setengah daripada orang-orang Melayu Johor yang muda-mudanya telah dihindang oleh penyakit “hidup pak turut” menggunakan bahasa Melayu “campur aduk” sebagaimana setengah daripada saudara-saudara mereka itu yang di Malaya juga mengikut sebutan tarikh bahawa adalah Johor, Singapura dan Riau itu Raja-rajanya dan rakyat-rakyatnya sama sebangsa dan seketurunannya akan tetapi sekarang Riau termasuk di dalam lingkungan kaum Indonesia. (bersambung)



Presiden Sukarno sedang beramah mesra dengan Menteri Utusan kerajaan Saudi Arabiah di Indonesia pada hari ketenteraan yang disambut pada 5.10.51 – gambar Airpost.